

# KEDAH BINA 3 LAGI IPT

Oleh Wadiassofi Jaafar

ALOR STAR: Kedah akan mempunyai lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dalam usaha melahirkan lebih ramai cerdik pandai, terutama anak tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Usahawan negeri, Profesor Datuk Dr Othman Ishak, berkata antaranya kerajaan negeri sudah mengenal pasti kawasan di Bukit Tangga, Jitra untuk mendirikan kolej.

"Kolej Pertanian di Bukit Tangga akan dibina selewat-lewatnya akhir tahun ini dan

## Lahirkan lebih ramai cerdik pandai anak tempatan

sebuah Kolej Matrikulasi di Changlun dan sebuah Politeknik di Kuala Kedah juga akan dibina.

"Kedah juga akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan pada masa depan dengan wujudnya lebih banyak pusat pengajian tinggi di negeri ini," katanya.

Menurutnya, kerajaan

memberi perhatian serius dalam memperbaiki taraf pendidikan rakyat di negeri ini.

"Kita juga bersyukur kerana Insaniah (Institut Agama Islam Negeri Kedah) yang menjalinkan kerjasama dengan Universiti Al-Azhar akan dinaik taraf kepada universiti iaitu Universiti Is-

lam Kedah (UIK) tidak lama lagi.

"Selain itu, Kedah adalah antara negeri yang berjaya mencapai kelulusan yang membanggakan, terutama dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu," katanya.

Othman berkata, Kedah adalah negeri ketiga terbaik di seluruh negara dengan peratusan kelulusan SPM yang membanggakan.

"Kejayaan itu membuktikan taraf pendidikan di negeri ini sudah maju ke hadapan dan secara tidak langsung, ia menjadi inspirasi

kepada semua pihak untuk bersama-sama mempertahankan kejayaan itu.

"Ilmu pengetahuan adalah asas dalam kehidupan manusia. Masyarakat perlu mempelajari pelbagai bidang ilmu yang mampu menjurus ke arah melahirkan idea atau pendapat yang bernes dan bermutu," katanya.

Kemajuan sesebuah negara, katanya, terletak pada tingginya asas ilmu pengetahuan yang dimiliki rakyat.

"Dengan adanya ilmu, kita berupaya mencipta sesuatu yang baru untuk dimikmati secara bersama," katanya.